



FINAL EXAMINATION

JULY 2021

COURSE TITLE BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE MPU2213

DATE/DAY 17 OCTOBER 2021 / SUNDAY

TIME/DURATION 09:00 AM - 11:00 AM / 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of **10** Printed Pages including front page)

DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO

Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian. Jawab semua soalan dalam buku jawapan yang disediakan. [40 Markah]

BAHAGIAN A (20 Markah)

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan aneka pilihan.

1. Berikut merupakan rumpun bahasa golongan Austronesia **KECUALI** _____.
 - A. Bahasa Austris
 - B. Bahasa Nusantara
 - C. Bahasa Polinesia
 - D. Bahasa Melanesia
 - E. Bahasa Mikronesia

2. Rumpun bahasa Austronesia boleh dibahagikan kepada Austronesia Barat dan Austronesia Timur. Antara berikut negara manakah merupakan kawasan pusat bahasa Austronesia Barat?
 - I. Malaysia
 - II. Brunei
 - III. Filipina
 - IV. New Zealand
 - A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I dan III
 - D. II dan III
 - E. II, III dan IV

3. Terdapat Para sarjana yang menyokong teori suku bangsa orang Melayu tidak berasal dari kawasan Nusantara. Mereka berpendapat bahawa bangsa Melayu berasal dari Selatan China atau Asia Tengah, iaitu di daerah _____.
 - A. Hawai
 - B. Taiwan
 - C. Yunan
 - D. Funan
 - E. Tibet

4.

- I. Digunakan sebagai bahasa lingua franca di kepulauan Melayu
- II. Merupakan zaman bermulanya kegemilangan bahasa Melayu
- III. Bahasa Melayu digunakan untuk kegiatan pentadbiran, perdagangan Perhubungan awam
- IV. Terdapat kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab

Pernyataan di atas menerangkan perkembangan bahasa Melayu pada zaman _____.

- A. Aceh
- B. Majapahit
- C. Melaka
- D. Srivijaya
- E. Johor-Riau

5. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah timbul daripada keperluan seperti berikut, **KECUALI** sebagai _____.

- A. lambang perpaduan
- B. memelihara kepentingan kebangsaan
- C. menunjukkan identiti bangsa
- D. memaparkan keunggulan kesatuan
- E. bahasa lain tidak penting

Soalan 6 berdasarkan petikan yang berikut:

Dimaklumkan bahawa persidangan ditangguhkan dan hadirin diminta ke dewan makan untuk menjamu selera. Anda dipersilakan.

6. Petikan di atas merupakan contoh bagi _____.
- I. Bahasa mesra
 - II. Bahasa dalam
 - III. Bahasa formal
 - IV. Bahasa halus
- A. I sahaja
 - B. I dan II
 - C. I, II dan III
 - D. II, III dan IV
 - E. III dan IV
7. Manakah antara situasi berikut yang penuturnya TIDAK menyebut atau menggunakan sebutan bahasa baku?
- A. Pengajaran dan pembelajaran formal di pusat-pusat pendidikan.
 - B. Penyampaian ucapan di khalayak umum.
 - C. Komunikasi rasmi dan perbincangan di sektor awam.
 - D. Pembacaan berita melalui media elektronik.
 - E. Perbualan dengan teman rapat di restoran.
8. Apakah badan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan memperkayakan bahasa Melayu?
- A. Kementerian Pendidikan Malaysia
 - B. Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Keluarga
 - C. Kementerian Kesenian, Warisan dan Budaya
 - D. Dewan Bahasa dan Pustaka
 - E. Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri

9. Pilih perkataan yang **SALAH** dari segi ejaannya.

- A. Subsidi
- B. Indastri
- C. Trailer
- D. Agensi
- E. Krisis

10. Antara berikut, ayat manakah yang menggunakan kata pemeri yang **BETUL**?

- A. Puan Hanim ialah jirannya.
- B. Puan Nora adalah kakaknya.
- C. Binatang yang paling kami sayang adalah kucing.
- D. Fatimah adalah orang yang baik hati.
- E. Makanan kegemarannya adalah pizza.

11. Apakah predikat yang betul bagi ayat berikut?

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan bermain dengan bersungguh-sungguh

- A. Pasukan Bola
- B. Sepak Kebangsaan bermain dengan bersungguh-sungguh
- C. bermain dengan bersungguh-sungguh
- D. Pasukan Bola Sepak Kebangsaan
- E. Pasukan Bola Sepak Kebangsaan bermain dengan bersungguh-sungguh

12. Pilih ayat yang **SALAH** dari segi tatabahasanya.

- A. Rupa paras yang cantik harus diseiringkan dengan perangai yang baik.
- B. Ahli-ahli arkeologi itu menemukan tembikar yang berusia lebih 500 tahun.
- C. Tuduhan-tuduhan palsu itu menipiskan harapan beliau untuk mempertahankan jawatan itu.

- D. Dia bekerja bermati-matian siang dan malam tanpa mengindahkan penat lelah demi untuk menyara keluarganya.
- E. Gegaran kecil itu menjadi petanda bahawa gunung berapi itu akan meletup tidak lama lagi.
13. Intonasi bahasa Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan sintaksis iaitu dapat _____.
- A. menandai identiti seseorang
B. menyatakan pelbagai makna sikap
C. membezakan jenis dan bentuk ayat
D. membentuk nada dan gaya suara yang turun naik
E. menandakan kontras dari segi tatabahasa terhadap sesuatu ujaran
14. Berikut adalah intonasi bagi ayat seruan yang menunjukkan nada marah **KECUALI** _____.
- I. Cis, terimalah tumbukanku ini !
II. Hai, ke mana kau sembunyi selama ini !
III. Cih, tidak berguna aku menolong orang yang tamak !
IV. Ha, baru sampai rumah hendak keluar pula !
- A. I dan II
B. I, III dan IV
C. II, III dan IV
D. II dan IV
E. III dan IV
15. Pilih penggunaan imbuhan yang **BETUL**.
- A. Mak Ani tidak dua mana.
B. Pekerja itu seperalat oleh majikan.
C. Dialah penulis novel yang saya minati itu.
D. Ayah menbaiki motosikalnya yang rosak itu.
E. Mangsa yang ditikam itu mengumuran darah.

16. Antara ayat-ayat di bawah, manakah yang merupakan ayat perintah berfungsi sebagai suruhan?

- A. Semoga kami segera sembuh.
- B. Keluar dari sini dengan segera!
- C. Jemputlah masuk ke rumah kami.
- D. Jangan sentuh lukisan yang belum kering itu.
- E. Tolong selesaikan kerja itu dengan secepat mungkin.

17. Pilih ayat yang **SALAH** penggunaan kata penghubung ayat:

- A. Dia menjerit terlalu kuat kerana hilang suaranya.
- B. Jika mereka menang, kita terpaksa mengakuinya.
- C. Dia berdoa supaya Allah memelihara anak dan ibunya.
- D. Mereka belajar bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita.
- E. Polis membebaskan 15 orang daripada 17 orang wanita yang ditahan pada hari Sabtu lepas.

18. Pilih ayat yang **BETUL** tatabahasanya.

- A. Semua kanak-kanak disuruh masuk ke dewan tepat jam 7:00 pagi.
- B. Setengah pelajar sahaja yang dijangkiti oleh penyakit itu.
- C. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian dipersilakan masuk.
- D. Selain daripada ahli saintis, ahli ekonomi juga dijemput hadir.
- E. Semua para penduduk banjir telah dipindahkan ke dewan sementara.

19. Berikut merupakan jenis peribahasa **KECUALI** _____.

- A. Simpulan bahasa
- B. perumpamaan
- C. pepatah
- D. Penjodoh bilangan
- E. bidalan

20. Apakah maksud bagi simpulan bahasa "buah mulut".

- A. Seorang yang pendiam
- B. Sesuatu yang menjadi perbualan ramai

- C. Hadiah yang dibawa semasa melawat seseorang
- D. Banyak bercakap
- E. Orang yang dikasihi atau dipuji

BAHAGIAN B

(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan yang WAJIB dijawab.

SOALAN 1 (Pemahaman Teks)

(10 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Papa, sudah lima belas musim papa tidak kembali melihat kami di sini. Bagaimanakah keadaan papa sekarang? Apa khabar Mak Cik Odah yang papa sayangi itu? Adakah udara di Bumi Kenyalang begitu nyaman hingga papa lupa akan kami di sini?

Papa, sejak surat papa kira-kira 13 tahun dulu, iaitu surat terakhir papa yang isinya sekaligus *memisahkan ikatan* papa dengan mama, papa tidak pernah mengunjungi kami, iaitu anak-anak papa. Apakah dosa mama hingga tergamak meninggalkannya?

Untuk pengetahuan papa, mama telah kembali ke rahmatullah dua minggu yang lalu. Penyakit barah payu dara yang dihadapinya rupa-rupanya membawa mama ke dunia lain. Lapan bulan lamanya mama *bergelut dengan keparahan* itu sebelum menyahut panggilan Tuhan yang lebih menyayangi mama.

Papa, tahukah papa bahawa cinta mama kepada papa sungguh suci? Meskipun papa menganggap mama ibarat bunga, segar dipakai, layu dibuang, mama tabah menghadapinya. Mama tidak pernah makan hati berulam jantung. Malah mama tidak pernah memburuk-burukkan papa. Pada mama, bumi mana yang tidak ditimpah hujan, lautan mana yang tidak bergelora dan bahtera mana yang tidak pernah menempuh gelombang ombak. Begitulah anggapan mama dan anggapan kami juga terhadap papa.

Papa, ketiadaan mama menghancurkan hati kami umpama kaca terhempas ke batu. Tanpa mama, hidup kami bagai kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu. Papa, datanglah menjenguk kami. Rindu kami pada papa *mencakar ingatan tidak bertepi*. Papa datanglah menemui kami sebelum duri malam menjelma.

Papa, mencarik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga. Begitulah harapan kami terhadap papa. Kami sedar bahawa papa begitu menyayangi Mak Cik Odah. Putih katanya putihlah bagi papa, hitam katanya hitamlah bagi papa. Papa tidak *seharusnya berkemudi di laluan*. Pulanglah papa meskipun seketika cuma.

Papa, anak-anak papa sudah besar semuanya. Abang Syamin, menjadi artitek di Petronas, Bangi. Kak Aisyah pula menjadi juruanalisis di MARDI dan saya, Jamaliah akan bergelar graduan tidak lama lagi. Tidak mahukah papa bersama mengecap kejayaan kami di sini? Apalah makna kejayaan ini kalau mama dan papa tidak ada di sisi kami. Pulanglah papa.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen *Untukmu*

(Papa oleh Supian Md. Noor, Januari 1996)

- i. Terangkan maksud rangkaian kata-kata di bawah ini mengikut penggunaan dalam petikan.

- a. *memisahkan ikatan*
b. *bergelut dengan keparahan*

(2 markah)

- ii. Jawab soalan-soalan berikut dengan berpandukan petikan.

- a. Apakah yang ingin diketahui oleh penulis surat daripada papa?

(2 markah)

- b. Terangkan maksud perumpamaan, *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga*.

(2 markah)

- c. Bagaimanakah perasaan anda setelah membaca surat tadi?

(2 markah)

- d. Pada pendapat anda, mengapakah *papa* sudah lama tidak menemui anak-anaknya?

(2 markah)

SOALAN 2 (Kemahiran Berbahasa)

(10 markah)

Susunkan ayat-ayat berikut menjadi ayat yang betul susunan tatabahasanya.

- i. Baju kurung itu supaya tidak berkedut gantungkan yang sudah digosok di dalam almari.
- ii. Sungguh cantik wah, di taman bunga ini bunga-bunga mawar dan orkid ditanam.
- iii. Majlis kerana akan perkahwinan Amy dan Rahim datang ke rumah, jemputlah kami mengadakan pada hari Sabtu ini.
- iv. Yang dilakukan oleh Encik Gopal apakah mengalami perniagaannya kerugian setelah ringgit berjuta-juta (?).
- v. Pak Ali yang telah menolong itulah lelaki yang berseluar hitam di dalam sungai semasa dia terjatuh.

(10 Markah)

-KERTAS SOALAN TAMAT-

